



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

RUMAWIP RESIDENSI SENTULMAS SIAP AWAL 25 BULAN

KUALA LUMPUR, 6 Januari 2018 – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyempurnakan Majlis Penyerahan 351 Kunci Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) Residensi Sentulmas yang bakal memberikan pelbagai kemudahan dari segi mobiliti dan infrastruktur kepada penduduknya.

Pembinaan Residensi Sentulmas yang strategik dengan berdekatan LRT Stesen Sentul, UTC Sentul, masjid, Hospital Kuala Lumpur serta akses jaringan sistem penguraian trafik yang menghubungkan kawasan Segitiga Emas Kuala Lumpur dan KLCC serta laluan lebuhraya Duta-Ulu Kelang Expressway (DUKE) pasti memberi pulangan nilai hartaanah yang tinggi kepada penduduk.

Menurut Tengku Adnan, beliau gembira projek tersebut berjaya disiapkan pemaju dalam tempoh dua puluh lima bulan lebih awal sejak pembinaanya yang dimulakan pada tahun 2015. Faktor perancangan pembangunan yang effektif daripada pemaju bersama kontraktor serta sinergi yang baik bersama agensi-agensi kerajaan dan juga penduduk setempat menjadi pemangkin kepada projek ini dapat disiapkan lebih awal.

“Kita akan pastikan semua projek Rumawip akan siap lebih awal dan pemaju yang dipilih berkemampuan dan berkualiti,” katanya.

Projek Residensi Sentulmas dibangunkan oleh Syarikat Aset Kayamas dengan kerjasama Sinerjuta Sdn Bhd. Mereka telah membangunkan projek tersebut di atas

tanah berkeluasan 1.55 ekar merangkumi pembinaan satu (1) blok kediaman setinggi 30 tingkat, yang mana satu 1 blok dengan 351 unit kediaman pangsapuri ini berkeluasan 900 kaki persegi dengan kemudahan 3 bilik tidur dan 2 bilik mandi serta satu kemudahan parkir berbumbung ditawarkan dengan harga RM300,000 seunit.

Pelancaran Projek Residensi Sentulmas mencerminkan komitmen berterusan pihak Kerajaan, khususnya Kementerian dalam menyediakan rumah mampu milik kepada warga Wilayah Persekutuan agar setiap individu atau keluarga boleh memiliki rumah khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur.

Selain itu, pemilik RUMAWIP turut menikmati kemudahan bertaraf kondominium seperti dewan serbaguna, kolam renang, kedai, tadika, surau serta infrastruktur awam lain yang bertujuan memberikan keselesaan kepada penghuninya.

Sehingga Disember 2017, RUMAWIP telah berjaya mencapai sebanyak 71,554 unit atau 89.44% daripada sasaran keseluruhan 80,000 unit yang telah ditetapkan menjelang tahun 2020 merangkumi projek di bawah kategori “Siap”, “Dalam Pembinaan” dan “Kelulusan Perintah Pembangunan” atau “Development Order”.

Disediakan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat,
Kementerian Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur, 6 Januari 2018**